

Penjelasan keperluan sistem siaraya (*public address system*) dan komunikasi bomba (*fireman intercom*) dalam Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) 1984

i) Latarbelakang

Di dalam UBBL 1984, peraturan 239 dinyatakan (dilampirkan – rujuk lampiran 1 surat JKR ke Bomba):-

“ There shall be two separate approved continuously electrically supervised voice communications systems, one a fire brigade communications system and the other a public address system between the central control station and the following areas:

- (a) lifts, lift lobbies, corridors and staircases;*
- (b) in every office area exceeding 92.9 square metres in area;*
- (c) in each dwelling unit and hotel guest where the fire brigade system may be combined with the public address system ”*

Walau bagaimanapun keperluan ini tidak jelas dari segi jenis bangunan, ketinggian dan lain-lain.

ii) Makluman

Dialog antara CKM dan Jabatan Bomba yang turut dihadiri oleh wakil CKE telah diadakan pada 12 Mei 2015 (minit dilampirkan – rujuk lampiran 2 surat JKR ke Bomba). Dialog ini antara lain menyatakan pada para 3.1, isu kesamaran terhadap keperluan sistem pencegah kebakaran dalam bangunan boleh dirujuk kepada Jadual Kesepuluh (*Tenth Schedule*) UBBL berkenaan. Rujukan juga boleh dibuat kepada UBBL Selangor pindaan 2012 bagi kesamaran terhadap Jadual Kesepuluh (*Tenth Schedule*) ini. Walau bagaimanapun tidak dinyatakan secara dengan jelas adakah rujukan yang sama boleh dibuat untuk peraturan 239.

Sehubungan itu untuk keperluan sistem siaraya dan komunikasi bomba, CKE telah menulis surat kepada Jabatan Bomba pada 3 Sept 2019 (dilampirkan) untuk penjelasan lanjut.

Pihak Jabatan Bomba telah menjelaskan keperluan ini melalui suratnya bertarikh 6 Sept 2019 (dilampirkan). Antara lain menyatakan:-

“ Pemasangan sistem siar raya adalah berdasarkan kepada keluasan dan ketinggian sesuatu bangunan tertakluk kepada bahaya pendudukan yang ditetapkan dalam Jadual Kesepuluh Undang-undang Kecil yang sama “

Di dalam Jadual Kesepuluh (*Tenth Schedule*) (dilampirkan) tersebut (UBBL Selangor pindaan 2012), keperluan sistem siaraya dinyatakan pada Nota 3 (item 4). Berdasarkan perbincangan lanjut, sistem komunikasi bomba pula

adalah diperlukan apabila dinyatakan pada tenth schedule tersebut keperluan Pusat kawalan kebakaran (Nota 3, item 5).

iii) Tindakan

Sehubungan itu berikut ialah proses untuk mengenalpasti keperluan sistem siaraya dan komunikasi bomba dalam projek-projek:-

- i. Rujuk Jadual Kesepuluh (*Tenth Schedule*) untuk menentukan jenis bangunan dan ciri-ciri bangunan tersebut berdasarkan penerangan pada *column 1* (Bahaya Pendudukan);
- ii. Setelah bangunan dan ciri yang berkenaan diketahui, rujuk pada *column 3* (Sistem-sistem Pengesan Api dan Penggera Kebakaran) untuk menyemak keperluan sistem siaraya dan komunikasi bomba;
- iii. Dengan merujuk kepada Nota 3 Jadual Kesepuluh (*Tenth Schedule*) berkenaan, jika pada *column 3* tersebut dinyatakan 4 maka sistem siaraya diperlukan; dan
- iv. Dengan merujuk kepada Nota Jadual Kesepuluh (*Tenth Schedule*) berkenaan, jika pada *column 3* tersebut dinyatakan 5 maka sistem komunikasi bomba diperlukan.